

SOALAN NO: 531

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong
[Alor Gajah]

SOALAN : Datuk Koh Nai Kwong minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

statistik bilangan dan peratusan bot nelayan yang telah memasang sistem pemantauan berasaskan Sistem Pengesanan Automatik (AIS) sehingga kini, serta apakah sebab nelayan bot pukut tunda Zon B dan C tidak memasang AIS.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menguatkuasakan syarat lesen bagi pemasangan *Automatic Identification System* (AIS) kepada semua vesel pukat tunda zon B dan C pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, pelaksanaan penguatkuasaan syarat tersebut ditangguhkan bagi memberi ruang kepada pelaksanaan tender pemasangan AIS berikutan bantuan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan berjumlah RM17 juta pada tahun 2015.

Sehingga kini, sebanyak 964 buah vesel termasuk 531 (20.2%) daripada 2,630 buah vesel pukat tunda zon B yang menerima bantuan Kerajaan telah dipasang dengan peralatan AIS.